

Puteri: Yusnita dicabar setiausaha penaja

UM 29 AUG 2002

KOTA BHARU 28 Ogos — Ketua Penaja Puteri UMNO negeri, Yusnita Mohamad Yusoff akan dicabar oleh Setiausaha Penaja Puteri UMNO bahagian ini, Ramlah Salleh pada pemilihan peringkat bahagian September depan.

Ramlah, 30, seorang ahli perniagaan berkata, beliau yakin mampu meraih sokongan daripada ahli-ahli Puteri untuk merebut jawatan sebagai Ketua Puteri bahagian Kota Bharu yang kini disandang oleh Yusnita.

Menurutnya, keyakinan itu timbul selepas ahli di peringkat akar umbi menyuarakan pandangan supaya beliau bertanding merebut jawatan tersebut.

“Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi tiada sebab untuk saya menolak cadangan itu,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ramlah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai hasratnya yang mahu bertanding menentang Yusnita yang juga Ketua Penaja Pergerakan Puteri UMNO bahagian ini.

Beliau turut menyambut baik nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed supaya anggota Pergerakan Puteri UMNO menjauhi politik wang dan henci membenci sesama sendiri pada pemilihan peringkat bahagian dan pusat bermula bulan depan.

“Nasihat itu memang betul kerana Puteri masih lagi baru, tambahan pula amalan tidak sihat seperti politik wang hanya akan merosakkan perpaduan di kalangan anggota,” katanya.

Ramlah menambah, keikhlasan daripada ahli-ahli untuk menerimanya sebagai ketua akan mempermudah lagi tugas beliau dalam mengukuhkan sayap parti.

Bagaimanapun, katanya, segala-galanya bergantung kepada jumlah undi daripada perwakilan bagi menentukan nasibnya dalam pertandingan itu.